

PANDUAN AM MAJLIS KONVOKESYEN UMS KALI KE 17

SEMASA MAJLIS

1. TARIKH MAJLIS KONVOKESYEN.

- Majlis Konvokesyen UMS Ke-17 akan diadakan di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah pada :

Tarikh : 21, 22 & 23 November 2015

Hari : Sabtu, Ahad & Isnin

- Graduan boleh menyemak dari masa ke semasa mengenai sebarang maklumat Majlis Konvokesyen melalui laman web <http://konvo.ums.edu.my/>

2. YURAN KONVOKESYEN.

- Graduan sama ada yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen atau tidak, wajib membayar yuran konvokesyen mengikut kadar **RM150.00**.
- Graduan yang tidak menghadiri Majlis Konvokesyen, boleh membayar yuran konvokesyen pada bila-bila masa (waktu bekerja) di Kaunter Pelanggan Bendahari, Blok Utara Bangunan Canselori. Walau bagaimanapun, Skrol/Transkrip graduan hanya dikeluarkan selepas tarikh konvokesyen dan segala yuran termasuk yuran graduan dan hutang tertunggak (jika ada) perlu dijelaskan.
- Hutang pelajar boleh disemak melalui laman web <https://bpa.ums.edu.my>

3. KAD JEMPUTAN DAN PELEKAT KENDERAAN.

- Setiap graduan akan diberi satu kad jemputan untuk 4 orang tetamu bagi menghadiri Majlis Konvokesyen di Dewan Canselor. Kad jemputan tetamu akan diberikan semasa pendaftaran pengambilan jubah. Para tetamu yang tidak membawa kad jemputan tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- Pelekat kenderaan akan diberikan semasa pendaftaran pinjaman jubah. Pelekat ini hendaklah dilekatkan di cermin hadapan kenderaan bagi tuan/puan yang menggunakan kenderaan sendiri.
- Pihak Universiti tidak bertanggungjawab di atas kehilangan kad jemputan yang telah diedarkan dan kad yang hilang tidak akan diganti.

4. TARIKH TAKLIMAT DAN RAPTAI GRADUAN.

- Sesi taklimat dan raptai graduan akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 20 November 2015 (Jumaat)

Masa : 8.30 – 12.00 Tengahari

Tempat : Dewan Canselor

5. PAKAIAN DAN RUPADIRI.

- Semua graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen dikehendaki berpakaian seperti berikut:

A. Lelaki :

1. Lounge Suit berwarna gelap.
2. Kemeja lengan panjang berwarna terang.
3. Untuk keseragaman, graduan **DIWAJIBKAN** memakai tali leher.
4. Kasut berwarna gelap (kasut sukan/selipar/sandal tidak dibenarkan)
5. Rambut lelaki hendaklah pendek dan kemas, tidak menjelaki kolar baju.

B. Perempuan :

1. Pakaian labuh hingga buku lali/Skirt labuh, Baju/Blaus berlengan panjang dan lengkap menutup hingga ke leher.
 2. Baju kurung (Warna bebas).
 3. Jika memakai skirt, hendaklah melepas paras lutut dan baju berlengan panjang.
 4. Kasut berwarna gelap (kasut sukan/selipar/sandal dan kasut yang berwarna terang (*striking*) tidak dibenarkan). Elakkan memakai kasut bertumit tinggi dan mempunyai tapak yang licin.
 5. Kenipisan dan reka bentuk pakaian hendaklah tidak menjolok mata.
- Sila ambil perhatian, Majlis Konvokesyen adalah majlis rasmi. Graduan dinasihatkan supaya mematuhi peraturan pakaian seperti yang dinyatakan di atas.

PARA GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPADIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK JAWATANKUASA PETUGAS KHAS / URUSETIA KONVOKESYEN MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN.

6. PERATURAN DAN KOD BERPAKAIAN BAGI TETAMU GRADUAN.

- Ibubapa/tetamu (termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas) diminta berpakaian rasmi seperti berikut :

A. Pakaian Tetamu Lelaki

1. Kebangsaan atau
2. Batik atau
3. Lounge Suit atau
4. Pakaian Rasmi yang sesuai (Seluar Jeans, seluar pendek dan kemeja-T tidak dibenarkan).

B. Pakaian Tetamu Wanita

1. Kebangsaan atau
 2. Pakaian Rasmi atau pakaian sopan (Pakaian gaun atau ‘skirt’ melebihi paras lutut, ‘blouse’ tanpa lengan, kemeja-T, seluar jeans dan seluar pendek adalah **TIDAK DIBENARKAN**).
- Tetamu graduan boleh memasuki Dewan Canselor melalui pintu-pintu yang telah ditetapkan oleh pegawai petugas.

7. PERATURAN LALULINTAS DAN TEMPAT LETAK KERETA GRADUAN.

Laluan Masuk Kenderaan Graduan, Ibubapa/tetamu graduan Ke Dalam Kampus

- Laluan masuk ke dalam kampus UMS bagi graduan dan ibubapa adalah melalui pintu masuk utama.

Tempat Letak Kereta Graduan, Ibubapa/tetamu Graduan

- Semua kenderaan graduan, ibubapa/tetamu graduan ditempatkan di tempat letak kereta Fakulti Kejuruteraan (FKJ) atau sekitarnya yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan UMS. Sila ikut arahan daripada pengawal keselamatan yang bertugas bagi melicinkan urusan letak kereta tuan/puan.

8. GAMBAR KONVOKESYEN.

- Para graduan tidak dibenarkan untuk menggunakan kamera dan perakam video di dalam dewan semasa majlis berlangsung. Semua pengambilan gambar semasa Majlis Konvokesyen akan diuruskan oleh jurugambar yang dilantik oleh UMS.

9. MASALAH KESIHATAN (GRADUAN KURANG UPAYA/MENGANDUNG).

- Sekiranya anda mengalami masalah kesihatan yang ketara dan bermasalah untuk beratur dan berjalan dalam perbarisan memasuki dewan seperti tidak boleh berjalan, graduan perempuan yang mengandung, perempuan yang baru lepas bersalin atau memakai kerusi roda, sila lapor kepada pegawai bertugas (marshall) mengatur perbarisan graduan bertempat di Lobi Aras 1, Dewan Canselor.

10. KEMUDAHAN LAIN – SURAU.

- Kemudahan surau disediakan di Bangunan Dewan Canselor bersebelahan Pejabat Pusat Kokurikulum dan Aras 1, Bangunan Anjung Siswa (Hal Ehwal Pelajar), bersebelahan dengan Bangunan Dewan Canselor.

11. DISIPLIN MAJLIS.

- Setiap graduan dan tetamu **tidak dibenarkan** melakukan perkara berikut semasa di dalam Dewan:
 1. Menggunakan telefon bimbit sewaktu dalam Dewan.
 2. Membawa bunga dan beg tangan sewaktu berarak.
 3. Mengambil gambar atau perakam video di hadapan pentas.
 4. Membawa makanan dan minuman ke dalam Dewan.
 5. Membuat bising.